

Dakwah Kepada Golongan Profesional di Pahang

Da`wah to the Professional Group in Pahang

Ahmad Effat Mokhtar¹, Ibrahim Hashim², Misnan Jemali², Abdul Munir Ismail²

¹Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

²Universiti Pendidikan Sultan Idris

email: effat@kuipsas.edu.my

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang dakwah kepada golongan profesional di Pahang. Isu yang dikaji ialah, sejarah kedatangan Islam di Pahang, metodologi program dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah terhadap golongan profesional di Pahang seperti Jabatan Agama Islam Pahang, Angkatan Belia Islam Malaysia dan Pertubuhan IKRAM. Kajian ini akan menggunakan kajian kepustakaan dan lapangan iaitu menggunakan kaedah temu bual. Justeru, dalam menghadapi cabaran dakwah dalam masa kini, pendakwah perlu mempelbagaikan cara pendekatan bagi menarik masyarakat kepada Islam khususnya golongan Profesional. Hasil tinjauan secara umum mendapati golongan profesional masih kurang mengikuti program-program dakwah yang di jalankan disebabkan kesibukan dengan profesion mereka dan juga pendekatan yang digunakan adalah kurang sesuai kepada golongan profesional.

Kata kunci: Dakwah, Golongan Profesional, Negeri Pahang.

Abstract

This article discusses da`wah to the professional group in Pahang. The issues studied are the coming of Islam in Pahang, the methodology of da`wah programme organised by da`wah bodies to the professional group in Pahang such as Pahang Department of Islamic Religion, Muslim Youth Movement of Malaysia and Organization of IKRAM. This study employs the library research and field research methods by using interviews. Therefore, in facing da`wah challenges nowadays, preachers have to vary the methodologies of da`wah to attract the society to Islam especially the professional group. The findings generally show that the participation of professional group in da`wah programme is still low because they are busy with their profession and the da`wah approach used to this group is less appropriate.

Kata kunci: Da'wah, professional group, Pahang.

Pendahuluan

Golongan profesional adalah produk daripada pemodenan masyarakat hari ini. Di kebanyakan negara sedang membangun seperti di Malaysia, golongan ini dilihat sebagai nadi utama dan memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorak pentadbiran negara, bahkan menjadi tulang belakang dalam usaha memajukan ekonomi dan masyarakat. Mereka turut digelar sebagai 'pemikir' dan aset utama negara yang

berperanan menjana idea-idea bernas dan kreatif dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah negara itu. Kemunculan dan perkembangan golongan profesional Melayu amat penting daripada kelas menengah 'baru' di Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), (Nor Hayati Sa'at, 2004:134-135). Golongan profesional adalah sasaran dakwah yang perlu diberi perhatian tersendiri kerana mereka mempunyai potensi dan pengaruh di dalam sesuatu masyarakat.

Namun demikian, realitinya golongan profesional mempunyai ruang kerja yang mencabar, sibuk, bercitarasa tinggi dan hidup dalam kelompok tersendiri dengan gaya hidup yang pelbagai. Ada yang senang memilih gaya hidup barat yang lebih mewah moden dan tidak ketinggalan juga yang bersederhana serta bersahaja dalam penampilan mahupun gaya hidup. Pelbagai persoalan yang timbul dalam memahami keperibadian, mentaliti dan prinsip hidup golongan profesional ini. Maka adalah menjadi satu tanggungjawab para pendakwah era ini agar lebih giat mencari pendekatan dan alternatif terbaik yang sesuai dalam memastikan golongan profesional tidak diabaikan dengan dakwah sekaligus dapat membentuk satu jaringan harmoni di dalam kehidupan mereka berlandaskan syariat Islam yang sebenar. Pendekatan dakwah kepada mereka penting supaya dakwah dapat sampai kepada mereka dengan lebih berkesan dan mampu menjadi serampang dua mata iaitu turut menarik masyarakat sekelilingnya bersama-sama memperkembangkan lagi syiar dakwah keseluruhannya.

Definisi Istilah Dakwah

Ibn Manzur (t.t:257-261), Dakwah dari segi bahasa bermaksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung. (al-Bustani,1956: 200), Manakala perkataan dakwah diambil daripada perkataan bahasa Arab iaitu *da'a*, *yad'u*, *da'wah* yang bererti seruan atau ajakan. (Kamus Dewan,1997:263), menyatakan bahawa dakwah ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan, menjelaskan kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.menganggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan. (Abu al-Majd, 1987: 18), mengatakan bahawa dakwah ialah usaha golongan yang mempunyai kemampuan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada sasaran untuk membawa mereka kepada Islam dan menjauhkan mereka daripada kepercayaan selain daripada Allah dengan cara-cara tertentu. Daripada definisi di atas jelas bahawa dakwah merupakan segala usaha yang dilakukan oleh pendakwah untuk mengajak orang lain menerima, mengamal, menghayati dengan penuh keimanan dan kataatan kepada Allah s.w.t, bagi kehidupan seharian manusia untuk mencapai kebahagiaan serta kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

(Kamus Dewan, 1994: 638), Golongan berasal dari kata dasar 'golong' yang membawa maksud membahagi-bahagikan (mengasingkan) ke dalam beberapa kumpulan (kaum, puak dan lain-lain). Kemudian ditambah dengan imbuhan 'an' yang membawa maksud sesuatu kumpulan atau kelompok manusia (rakyat).(Kamus Dewan, 2007: 1233), Profesional adalah berkaitan dengan profesion (bergiat). (Mohd. Janib Johari, 2001: 3), secara umum golongan profesional terdiri daripada mereka yang terlibat dalam profesion tertentu seperti doktor, peguam, jurutera, akauntan, arkitek dan pakar komputer. Secara ringkasnya, profesional diterangkan sebagai seseorang individu atau golongan yang melakukan sesuatu pekerjaan atau profesion atau bidang dengan menggunakan kepakaran, kecekapan atau kemahiran yang diperlukan dalam bidang yang diceburinya dan ia melibatkan pembayaran dimana pekerjaan yang dilakukan secara profesional itu merupakan mata pencarian dan pekerjaan tetapnya. (Kamus Dewan, 1997: 874), Melayu merujuk kepada nama satu bangsa atau keturunan yang tinggal di kepulauan Melayu.Maka dapat disimpulkan bahawa golongan profesional merupakan golongan berstatus tinggi, cerdas pandai dan terkenal dalam kalangan masyarakat, merupakan juga satu kelompok baru dalam struktur kelas masyarakat di Malaysia, ia lahir hasil daripada perkembangan pesat perindustrian dan perdagangan,mereka bekerja mengikut profesion masing-masing dalam membantu negara kepada kemajuan. Dalam hal ini beberapa pendekatan dakwah yang sesuai untuk menarik mereka kepada Islam perlu dikenalpasti oleh pendakwah.

Sejarah Kedatangan Islam di Pahang

Sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka, wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang. (W. Linehan, 1936: 11), Kedatangan Islam ke Pahang telah menerima pengaruh Islam sebelum terbentuknya Kerajaan Melayu Melaka lagi. Beliau mengatakan bahawa, Pekan merupakan tempat yang sangat strategik bagi pedagang-pedagang Arab yang sampai di Negeri Pahang bagi menjalankan kegiatan berdagang dan penyebaran agama Islam. (Buyong Adil, 1982: 41) ini dibuktikan dengan penemuan makam-makam keturunan orang Syed yang datang dari Hadaralmaut yang sudah sampai di Pekan sebelum abad ke-15 Masihi lagi. (Fatwa, 1999: 14) Ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan Batu Nesan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang juga dikenali dengan “Keramat Teluk Cik Munah” mencatatkan tarikh wafat seorang insan yang dikebumikan di kubur berkenaan iaitu pada hari Rabu 14 hari bulan Rabiulawwal tahun 419 Hijrah bersamaan tahun 1028 Masihi.

Yaakob Isa (2004: 3), menjelaskan bahawa mengikut pengesahan yang dibuat oleh pihak Muzium Sultan Abu Bakar Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, para pengkaji yang terdiri daripada golongan akademik sarta mereka yang mahir dalam bidang kajian sejarah. Maka timbullah persoalan dan polemik baru mengenai kedatangan Islam di Tanah Melayu ini bermakna kedatangan Islam ke negeri Pahang lebih awal daripada negeri Terengganu berdasarkan penemuan batu bersurat di Kuala Berang iaitu pada 1303 Masihi. Menurut catatan (Mahayudin Yahya, 1984: 75-84), ahli sejarah telah terjumpa kubur kepunyaan seorang wali Allah yang berbangsa Arab di Pekan yang dipercayai seorang tokoh besar Islam yang berdagang dari Negeri Arab ke rantau Asia.

Manakala (Zakaria Ahmad, 1971: 44) menjelaskan dengan ikatan persaudaraan sesama Islam, aktiviti dakwah Islamiah giat dijalankan serta banyak kitab dan penulisan agama oleh ulamak Aceh disebarkan ke Pahang. Bahkan dipercayai bahawa Syeikh Hamzah Al-Fansuri pernah sampai ke Pahang dalam pengembaraannya ke Banten, Baitulmaqdis, Siam, Makkah dan Baghdad untuk menuntut ilmu agama dan menyebarkan dakwah Islamiah. Ini menunjukkan pada awal kedatangan Islam ke Pahang telah berlakunya dakwah kepada golongan pembesar Pahang. Menurut (Mohd Taib bin Hassan, 2001:136-144) sehinggalah ke hari ini, gerakan dakwah diteruskan dan didokong oleh golongan agama yang terdiri daripada ulamak tempatan, para ilmuwan, cendiakawan dan orang perseorangan serta dari badan-badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan di Pahang. Pelbagai metode dakwah telah dijalankan di Pahang oleh pendakwah sama ada secara organisasi ataupun secara perseorangan. Kaedah dakwah juga adalah berlainan antara setiap organisasi dan pendakwah. Namun demikian usaha-usaha dakwah berjalan dengan baik mengikut cara masing-masing supaya dakwah dapat terus tersebar di dalam kalangan golongan profesional dengan pelbagai pendekatan dan aktiviti dakwah yang berkesan.

Asas Metodologi Dakwah Kepada Golongan Profesional

Dakwah kepada golongan ini hendaklah dilakukan dengan begitu rapi supaya dakwah yang disampaikan tidak menyinggung perasaan mereka kepada dakwah tersebut dan mereka boleh menerima, menghayati dan mengamalkan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian mereka. Menurut (Abdul Munir Ismail, 2014: 21-22), golongan profesional merupakan golongan yang berpendidikan tinggi dan bertaraf sosioekonomi yang tinggi mereka ini terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai doktor, peguam, jurutera, arkitek, akuantan, para pensyarah universiti dan pegawai-pegawai kerajaan kumpulan pengurusan dan profesional serta pegawai eksekutif di sektor swasta. Ada sebahagian daripada mereka yang kurang faham tentang ajaran Islam sehingga ada yang mengabaikan suruhan Islam seperti solat dan zakat.

Al-Quran telah menjelaskan tentang pendekatan dakwah kepada manusia sepertimana dalam surah al-Nahl ayat 125 menjelaskan beberapa pendekatan metodologi dakwah yang harus digunapakai

oleh pendakwah dan merupakan asas kepada metode dakwah terhadap golongan profesional. Firman Allah;

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَعْرَظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ .

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Surah al-Nahl: 125)

Ayat di atas telah menggariskan tiga metodologi dakwah kepada manusia, iaitu *al-Hikmah* (bijaksana), *al-Maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-Mujadalah bi al-lati hiya ahsan* (perdebatan dengan cara yang lebih baik). Maka dengan garis panduan dalam ayat al-Quran di atas pendakwah boleh menggunakan dalam berdakwah terutamanya kepada golongan profesional (Ra'uf Shalabi, 1980: 342). Ayat tersebut juga dengan jelas memerintahkan supaya dakwah itu dilakukan dengan pendekatan yang pelbagai, yang boleh mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran. Selain itu, menurut Ra'uf Shalabi, cara dakwah yang dinyatakan dalam ayat tersebut merupakan cara yang dilalui oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam dakwahnya kepada semua peringkat sasaran.

Suatu Tinjauan Lapangan Terhadap Metode Dakwah kepada Golongan Profesional

Pelbagai badan atau organisasi dakwah telah ditubuhkan dalam meneruskan usaha berdakwah khususnya di Pahang. Ia meliputi institusi kerajaan dan swasta yang masing-masing mempunyai objektif, visi dan misi yang satu ke arah memperkembangkan ajaran Islam serta pemahaman tentang Islam yang sebenar kepada masyarakat yang bukan sahaja berbilang bangsa dan agama, malah pelbagai prinsip, cara hidup dan penerimaan yang berbeza mengikut idealogi sendiri (Azmah Abdul Manaf, 2001: 105). Di Pahang, beberapa institusi dakwah yang dikenalpasti bergerak aktif dalam usaha ini iaitu:

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) ditubuhkan pada tahun 1926, dikenali dengan nama Majlis Anggota Islam. Pada masa ini pengurusannya terletak di bawah tanggungjawab Tengku Besar Pahang. Al-Marhum yang Amat Mulia Tengku Besar Sulaiman Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad dilantik sebagai ketuanya yang pertama. (JAIP, 2010).

Pada awal penubuhannya, bidang tugas Jabatan Agama Islam Negeri Pahang berkisar kepada aspek pentadbiran, pengurusan nikah cerai dan ruju' serta Mahkamah Syariah. Ia hanya dianggotai oleh seorang Ketua Jabatan, seorang Mufti dan empat orang Kerani. Pada tahun 1956 Undang-Undang Majlis Anggota Islam telah dipinda dan diganti dengan Undang-Undang Tadbir Agama Islam Tahun 1956. Serentak dengan itu Pejabat Qadhi Daerah telah diwujudkan di Rompin, Pekan, Kuantan, Chenor, Temerloh, Jerantut, Lipis, Bentong, Raub dan Cameron Highlands.

Pada tahun 60-an dan seterusnya kini, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang telah mengalami perkembangan pesat dari segi bidang tugas, maka Bahagian dan Unit-Unit baru diwujudkan sejajar dengan penambahan bilangan kakitangan, mengambilalih sekolah-sekolah Agama Rakyat dan pengujudan Masjid-Masjid Daerah dalam memantapkan lagi kegiatan dakwah di Pahang.

Dakwah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) kepada golongan profesional

Bagi menjalankan program dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat di Pahang, bahagian Dakwah JAIP telah dibahagikan kepada empat unit iaitu Unit Dakwah dan Tarbiyah, Unit Ukhuwah Saudara Kita, Unit Penerbitan dan Multimedia dan Unit Keurusetiaan. Oleh itu teras kepada unit tersebut adalah memperkukuhkan pembudayaan ilmu dan pentarbiyahan yang komprehensif dan berkesan, memartabatkan kefahaman dan penghayatan Islam melalui pemerksaan sistem penyampaian dan komunikasi yang inovatif dan efektif, pemerksaan dan pemantapan fungsi medium dakwah melalui teknologi komunikasi dan media baru yang inovatif dan kreatif, memartabatkan dan pemantapan ummah melalui program hari kebesaran Islam dan melahirkan insan al-Qurani. (Bahagian Dakwah JAIP, 2013). Sejak tahun 2000 lagi, JAIP telah menyusun program pendakwaan dengan lebih bersistematik melibatkan pengembelangan tenaga dan ilmu semua peringkat masyarakat, termasuk pemimpin tertinggi negeri sehingga kepada rakyat di seluruh pelosok negeri Pahang, program pendakwaan ini diberi nama Dakwah Perdana Darul Makmur (DPDM).

Kandungan utama program Dakwah Perdana Darul Makmur ialah meliputi aktiviti penyampaian mesej utama JAIP kepada masyarakat dengan cara mesra rakyat, penerangan dasar kemajuan Islam negeri serta amanat dan ucapan pemimpin negeri. (Buku Penerangan DPDM, 2001: 1). Program Dakwah Perdana Darul Makmur dibina di atas hasrat untuk menjalankan usaha bagi mencapai matlamat kerajaan dalam aspek pembangunan Agama dan Ummah. Bagi menentukan halatuju yang hendak dicapai, mesej 3P diperkenalkan iaitu Pembangunan Personaliti, Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan Ilmu. Antara program dakwah yang disusun seperti berikut; (Buku Penerangan DPDM, 2001: 1-10)

(a) Metode Dakwah *Bil Hal* Dakwah Perdana Darul Makmur

Metode Dakwah *bil hal* ialah dakwah yang dijalankan dengan menunjukkan contoh teladan yang baik melalui perbuatan, sikap, pandangan, tingkah laku yang positif, kerja-kerja amal yang dilakukan dan aktiviti-aktiviti sosial. Ini bererti pendakwah itu sendiri melaksanakan apa yang diucap olehnya dan tidak sekadar tukang cakap dan tukang tunjuk sahaja. Sebagaimana dinyatakan dalam Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ (2) كَبِيرٌ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ (3)

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.* (surah al-Saf: 2-3)

Oleh itu, setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam hendaklah mencerminkan kesucian yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Setiap tindakan akan dilihat oleh masyarakat untuk dinilai sebelum mereka menerima dakwah yang disampaikan. Oleh sebab itu tingkahlaku dan tindakan harian mestilah berasaskan nilai tauhid, mengikut syariat Islam, melambangkan kemurnian Islam serta berbentuk ajakan kepada kesempurnaan Islam. (Abdul Ghafar Don et. al., 1998:48). (Ab. Azin Mohd Zin, 1999: 236), mengatakan pembinaan personaliti dengan sifat-sifat tersebut adalah satu keperluan, kerana ia tidak datang secara percuma pada seseorang. (Zaydan, 1999:485), menyifatkan teladan yang baik ditunjukkan oleh pendakwah sebenarnya dakwah yang dilakukan secara praktikal. Melalui teladan yang baik, orang bukan Islam dapat melihat kebenaran yang ada pada Islam dan Islam sebenarnya datang daripada Allah, terutama jika mereka mempunyai fitrah dan pemikiran yang baik.

Di Pahang, pihak JAIP telah menggunakan kaedah dakwah *bil hal* melalui Dakwah Perdana Darul Makmur (DPDM). Contoh dakwah *bil hal* yang dilaksanakan oleh JAIP meliputi penghayatan ilmu, iman dan amal, merapat perhubungan, bersifat fleksibel dan penuh hikmah, keterampilan peribadi dan akhlak mulia, aktiviti kebajikan, penulisan, program amar makruf dan nahi mungkar dengan

menggunakan tenaga pendakwah yang telah dilantik untuk menjalankan dakwah di Negeri Pahang. (Buku Penerangan DPDM, 2001: 1-10).

Format program bagi aktiviti dakwah *bil hal* dalam DPDM ini akan lebih menumpukan aktiviti dalam dua fasal iaitu fasal pertama meliputi metode penyampaian mesej melalui lisan dan mesra rakyat. Fasal kedua metode dakwah *bil hal* ini adalah meliputi aktiviti yang lebih kepada kemesraan, kebajikan, termasuk secara pemberian hadiah kepada kanak-kanak, anak yatim, fakir miskin, gotong-royong, sukan rakyat dan lain-lain acara kemeriahan. Aktiviti ini juga akan melibatkan juga penyebaran kesenian Islam seperti nasyid, selawat, puisi, gubahan dan lain-lain. (Buku Penerangan DPDM, 2001: 1-10).

Menurut Penolong Ketua Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, (temu bual: 7 Ogos 2013), metode ini merangkumi semua masyarakat di negeri Pahang termasuk juga golongan profesional. Kebiasaan program yang melibatkan golongan profesional di antaranya adalah program menyambut hari kebesaran Islam seperti menyambut Awal Muharam, Maulidur Rasul, Nuzul al-Quran dan Nisfu Sya'aban. Manakala program-program lain yang turut dijalankan seperti ceramah, forum, diskusi, wacana ilmu dan juga program ilmu bersantai bersama para pegawai atasan kerajaan di pejabat kerajaan dan di kediaman Menteri Besar Pahang.

(b) Metode Dakwah Melalui Hari Kebesaran dalam Islam

(Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, temu bual: 7 Ogos 2013), Metode Dakwah melalui hari kebesaran dalam Islam merupakan cara yang terbaik untuk menyampaikan Islam kepada golongan profesional Melayu di Pahang. Majlis sebegini mampu dan boleh mendapat penyertaan yang tinggi daripada golongan profesional dalam majlis tersebut. Kebiasaannya, pihak JAIP menjemput penceramah yang profesional dan terkenal dalam bidang masing-masing untuk menyampaikan dakwah. Antara hari kebesaran yang biasa dianjurkan seperti Menyambut Ma'al Hijrah, menyambut Maulidur Rasul, Nuzul al-Quran, Nisfu Sya'ban, Ihya Ramadhan dan Hari Raya Fitri dan Qurban. Tujuan mengadakan program ini adalah untuk menghayati hari kebesaran dan kesedaran masyarakat kepentingan hari-hari kebesaran dalam kalendar Islam.

Pendekatan untuk menarik kepada program dakwah yang digunakan adalah melalui surat jemputan dan iklan di media massa bagi meramaikan peserta di dalam program tersebut. Dalam pengisian program pula, JAIP telah menjemput ahli panel ceramah, forum dan seminar yang terkenal bagi menyampaikan pesan agama kepada peserta dalam program tersebut.

(c) Metode Dakwah Melalui Konvensyen, Seminar, Persidangan dan Kolokium

(Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, temu bual: 7 Ogos 2013), Metode dakwah melalui konvensyen, seminar, persidangan dan kolokium turut menjadi tumpuan agenda dakwah JAIP di Pahang. Keempat-empat medium ini dilabelkan bersesuaian dan mudah mengumpulkan golongan profesional ini lantaran ianya bersifat ilmiah.

(Ahmad Mahmud Abu Zaid, 1996: 160-161), menjelaskan bahawa, seminar ialah satu kumpulan besar manusia iaitu seorang atau lebih bercakap tentang satu perkara (tajuk atau banyak tajuk). Orang yang bercakap dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu, selalunya terdiri daripada seorang yang profesional dan mengetahui dengan jelas tentang perkara yang akan dibincangkan dalam seminar tersebut. Persidangan adalah mirip kepada seminar tetapi ia dijalankan lebih daripada satu hari dan perjumpaan dilakukan beberapa kali.

(Ahmad Mahmud Abu Zaid, 1996: 160-161), Konvensyen, seminar dan persidangan yang diadakan terdiri daripada ahli fiqh, pakar perubatan, ahli ekonomi, ahli politik, saintis, jurutera atau ahli astronomi. Pendakwah perlu mengetahui cara dan kaedah untuk konvensyen, berseminar serta persidangan agar ia boleh digunakan sebagai satu metode untuk menyampaikan dakwah iaitu dengan cara

mengetahui bagaimana untuk melibatkan diri responden dalam konvensyen, seminar atau persidangan. Perlu juga menetapkan masa agar bersedia untuk menyampaikan sesuatu maklumat dalam jangka masa yang sesuai dan tidak membosankan. Begitu juga urus setia konvensyen, seminar dan persidangan perlu menyusun dan memilih masa dengan baik serta tempat yang sesuai dan satu jawatankuasa perlu dilantik bagi menjayakannya.

Oleh itu, menurut (Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, temu bual: 7 Ogos 2013), JAIP telah menjalankan program seminar, konvensyen dengan baik dengan mengikuti panduan bagaimana cara untuk menjayakan sesuatu konvensyen, seminar atau persidangan agar ia dapat memberi kesan serta memberi keuntungan kepada sasaran dan dakwah. Daripada maklum balas dari peserta program yang dijalankan, peserta berpuas hati dan mendapat ilmu yang disampaikan dari program yang telah dianjurkan.

(d) Metode Dakwah Melalui Media Massa

Media massa adalah antara saluran dakwah yang dilihat mampu menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Hal ini kerana, sifat media massa itu sendiri yang mampu menarik perhatian khalayak yang menjadikan medium ini sering mendapat tumpuan masyarakat sama ada dari media cetak atau media elektronik. (Zulkiple Abd. Ghani, 2001: 25) menjelaskan bahawa istilah media massa atau media cetak dan elektronik boleh dikatakan bukan istilah yang mempunyai etimologi khusus daripada perkembangan tamadun Islam. Istilah tersebut dipelopori terutama akibat terciptanya mesin cetak *Guttenberg* pada abad ke 15 dan seterusnya diikuti dengan zaman elektrik di mana gabungan teknologi audio dan visual ditemui.

Manakala (Ab. Aziz Mohd Zin, 1999: 111), melihat dari sudut fungsi, fungsi media massa berlaku di kalangan masyarakat ialah untuk pengawasan keadaan alam sekitar, seperti berita-berita mengenai malapetaka dan fenomena kejadian, menghubungkan bahagian-bahagian di dalam masyarakat yang berkaitan dengan keadaan alam sekitar, seperti kritikan, penyelewengan dan tafsiran kejadian, peninggalan warisan dari sudut generasi kepada generasi berikut dan hiburan. Menurut (Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, temu bual: 7 Ogos 2013) pula, dua media utama yang digunapakai oleh JAIP dalam dakwah iaitu melalui media tradisional dan media cetak. Media tradisional yang digunakan seperti hubungan peribadi, khutbah Jumaat, tempat peribadatan khusus, tempat pendidikan, tempat perhimpunan dan juga pendakwah-pendakwah profesional. Manakala media cetak ialah buku-buku agama, risalah dan buletin. Berbagai buku dan risalah telah dikeluarkan oleh JAIP bagi menjelaskan sesuatu isu yang berlaku di Pahang.

Pada masa kini, JAIP telah menggerakkan dakwah secara lebih sistematik dan efisien bagi berhadapan dengan perubahan sosial masyarakat terutama golongan profesional akibat daripada kesan ledakan media massa yang semakin mencabar. Selain itu JAIP telah menggunakan media elektronik seperti Radio FM Pahang sebagai saluran dakwah melalui udara selain turut menggunakan Internet sebagai saluran maya.

(e) Program al-Muqarrabin

(Laporan Unit Dakwah dan Tarbiyah JAIP 2012), Program al-Muqarabin merupakan program berbentuk forum disiarkan secara langsung di Pahang FM. Ahli panel diberi kebebasan bercakap mengikut kepakaran masing-masing untuk berbincang dalam forum tersebut. Program al-Muqarabin ini dianjurkan pada setiap minggu diseluruh negeri Pahang. Kebiasaan isu yang dibincangkan berdasarkan permasalahan masyarakat setempat. Menurut (Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, temu bual: 7 Ogos 2013), sekiranya golongan ini tidak berkesempatan mengikuti program yang dianjurkan di tempat mereka, mereka boleh memilih untuk mendengar ceramah atau forum melalui Radio Pahang FM. Kesimpulannya, Jabatan Agama Islam Pahang merupakan institusi dakwah telah memainkan peranan yang besar di dalam perkembangan dan penyebaran dakwah melalui program-program dakwah di Pahang. Pelbagai aktiviti, program dan rancangan keagamaan telah disusun dan dijalankan oleh JAIP bagi menyampaikan ajaran dan pemahaman Islam kepada masyarakat seperti *dakwah bil hal*, program hari kebesaran Islam, program al-Muqarabin dan dakwah melalui radio FM Pahang serta media massa. Menurut Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, walaupun tiada program dakwah secara khusus disasarkan golongan

profesional ini, namun JAIP mengakui tidak meminggirkan golongan profesional dan ianya dijalankan secara umum bersama masyarakat.

Dakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) kepada Golongan Profesional

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia hasil beberapa pertemuan generasi pengasas ketika itu. Pengerusi penaja rasmi ketika itu ialah almarhum Ustaz Abdul Wahab Abdullah dan Dato' Fauzi Abd. Rahman sebagai Setiausaha Agung. ABIM merupakan sebuah badan bukan kerajaan NGO Islam yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan pada 17 Ogos 1972 di bawah Akta Pertubuhan 1966.

ABIM Pahang adalah sebuah gerakan yang bertunjangan ilmu dan memilih untuk mengambil sikap terbuka serta sederhana berasaskan realiti masyarakat setempat disamping memegang teguh prinsip-prinsip Islam serta kesepaduan ilmu, iman dan amal dalam rangka pembangunan manusia. Walaupun ABIM Pahang menangani isu-isu politik, namun ia sentiasa bersikap non-partisan, bebas dan tidak memihak atau tunduk kepada kepentingan mana-mana parti politik.

Jawatankuasa kerja ABIM Pahang diketuai oleh Yang Dipertua (YDP) dan dibantu oleh Exco-Exco Kanan yang terdiri daripada Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha, Setiausaha Kewangan, Ketua Hal Ehwal Wanita(HELWA), dan Penolong Setiausaha. Semua exco kanan ini dilantik secara syura di Muktamar Belia Islam Pahang yang diadakan setiap tahun. Bagi melancarkan lagi gerak kerja ABIM Pahang, YDP dengan perbincangan bersama Exco Kanan akan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi mengetuai biro-biro seperti Biro Dakwah dan Tarbiyah, Biro Pendidikan, Biro Penerangan, Biro Perhubungan, dan Biro Tugas-Tugas Khas. Pelantikan ini dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ABIM itu sendiri. Di peringkat daerah pula, jawatankuasa kerja juga dilantik secara syura semasa muktamar dan bertanggungjawab menjalankan gerak kerja ABIM di peringkat daerah masing-masing. (Kertas kerja program ABIM Pahang 2013). Kewujudan kesatuan dan keseragaman dalam gerak kerja dakwah, ABIM Pahang mengamalkan prinsip-prinsip seperti menghayati budaya ilmu, menghayati amalan kerohanian, menghayati amal syura dan amal jama'iy, memahami dan melibatkan diri dengan isu semasa dan menghayati ruh *jihad fi sabilillah* dengan itu prinsip-prinsip ini telah diamalkan oleh setiap ahli anggota ABIM.

Bagi memastikan keberkesanan dalam menjalankan dakwah di negeri Pahang, ABIM telah menganjurkan program-program berterusan dalam pelbagai bidang agama khususnya dakwah, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi ICT, pembangunan sumber manusia dan ekonomi. Semua program tersebut akan diklasifikasikan mengikut unit-unit tertentu bagi menghasilkan kejayaan dalam pelaksanaan program dakwah. Di antara kumpulan sasar bagi program-program yang dijalankan oleh ABIM adalah golongan belia dan golongan profesional, remaja, saudara baru, golongan IPTA dan IPTS dan golongan bukan Islam. Dalam menjayakan dakwah tersebut, pihak ABIM telah menggunakan beberapa kaedah pelaksanaan yang berbeza mengikut lapisan masyarakat. Dalam bidang dakwah contohnya, gerak kerja dakwah mesti diteruskan dalam bentuk yang lebih sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa. Di Pahang, ABIM telah menggunakan beberapa metode dakwah yang banyak memberi kesan kepada golongan profesional iaitu: (Kertas kerja program ABIM Pahang 2013).

(a) Program Kunjung Hormat Dengan *Umara*'

Program ini digunakan untuk membuka ruang kepada ABIM bagi menjalankan aktiviti keagamaan kepada lapisan masyarakat termasuk golongan *umara*' dan profesional. Daripada metode ini banyak aktiviti ABIM dapat dijalankan dengan melibatkan pemimpin-pemimpin negeri. Namun demikian, program ini dijalankan hanya apabila timbul isu-isu penting agama yang menjadi kekeliruan di kalangan

golongan ini. Oleh itu, program dialog dan diskusi akan diadakan bagi menjelaskan kekeliruan yang berlaku. Di antara isu-isu yang sering dibincangkan ialah politik dalam Islam, *wasatiyah*, ancaman syiah, kepimpinan dalam Islam dan perpaduan di antara orang Islam. (En. Hisyamudin bin Burhanudin, temu bual pada 10 September 2013).

(b) Program Dakwah Bersama Golongan Akademik

Program dakwah bersama ahli akademik pula diadakan melalui program diskusi, dialog dan wacana ilmu yang lebih mengfokuskan isu-isu agama. Program ini lebih kepada perbincangan isu-isu agama biasanya program ini diadakan di hotel dan dewan orang ramai bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan. Contoh isu yang biasa dibincangkan masalah sosial dikalangan masyarakat Islam dan kepentingan golongan akademik dalam menjalankan dakwah. (En. Hisyamudin bin Burhanudin, temu bual pada 10 September 2013).

(c) Program Dakwah Kepada Golongan Kaya (elit)¹

Metode yang digunakan bagi program dakwah kepada golongan profesional adalah dengan mengadakan ceramah dan forum agama. Lazimnya masjid dan surau yang berhampiran dengan kediaman golongan elit dijadikan lokasi program dakwah seperti sambutan hari kebesaran Islam. Penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada penceramah yang terkenal dan berpersonaliti bagi menarik minat golongan elit ini. Hasil dari program yang dijalankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan elit. (Kertas kerja program ABIM Pahang 2013).

(d) Metode Dakwah Melalui Usrah

ABIM Pahang turut menjalankan dakwah melalui usrah kepada ahli ABIM yang terdiri daripada golongan profesional dan intelektual. Usrah yang dijalankan pada setiap minggu ini bertujuan untuk mengukuh dan memantapkan ahli dengan ilmu pengetahuan Islam. Isu yang sering diketengahkan adalah berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan profesyen ahli tersebut. Sebagai contoh bagi golongan para medik, mereka akan membincangkan berkaitan dengan dakwah kepada pesakit iaitu cara mengambil wudhu, solat semasa sakit dan sebagainya. Perbincangan dalam usrah yang dijalankan telah memberi kesan kepada ahli usrah dan mereka mampu menyebar dan menterjemahkan ilmu mereka kepada golongan sasaran yang lain. (Kertas kerja program ABIM Pahang 2013).

Dapat disimpulkan disini bahawa ABIM telah memberi sumbangan yang besar dengan melaksanakan pelbagai program dakwah di Pahang dengan pengalamannya selama lebih 40 tahun berkecimpung di medan dakwah sudah semestinya mampu untuk mengemukakan model yang asli dan yang keluar dari status gerakan yang sentiasa memerlukan tunjuk ajar. Berdasarkan perkembangan masakini, pendekatan *wasatiyatu Islam* mempengaruhi arus utama pemikiran di negara dan sumbangan ABIM dalam konteks ini amatlah nyata. ABIM secara umumnya di Malaysia semakin berani menyuarakan isu-isu Islam yang merupakan isu-isu yang sentiasa diperjuangkan oleh ABIM. Oleh itu, ABIM Pahang telah menjalankan program dakwah kepada golongan profesional dengan pendekatan yang sesuai dengan jiwa mereka iaitu dengan cara berdialog, usrah dan mengajak golongan profesional bersama-sama dalam gerakan dakwah yang ABIM jalankan kepada masyarakat.

Dakwah Pertubuhan IKRAM Negeri Pahang kepada golongan Profesional

Pertubuhan IKRAM ditubuhkan pada 20 Jun 2010 atau dulu dikenali dengan Jamaah Islah Malaysia (JIM), mengasaskan kewujudannya dengan menghayati pengertian al-Islah yang membawa

¹Golongan kaya yang dimaksudkan adalah golongan yang terdiri daripada ahli koparat, pembesar, pengurus dan professional yang tinggal di kawasan tempat tinggal elit di Pahang.

maksud pembaikan, pembaharuan serta mewujudkan perdamaian. IKRAM adalah gerakan Islam yang menjadikan aktiviti-aktiviti dakwah dan pembangunan sosial sebagai teras perjuangan IKRAM.

(www.ikram.org.my. pada 7 Jun 2012), Ruang untuk IKRAM bergerak bagi menjayakan program-program pengislahan dan pembangunan ummah adalah terlalu luas ia terus mengambil tempat sebagai sebuah organisasi dakwah dan sosial. IKRAM akan terus beriltizam menjadi salah sebuah industri strategik dalam ummah ini bagi melahirkan golongan *saleh wa musleh*. IKRAM berusaha menyampaikan dakwah kepada segenap lapisan masyarakat dengan menggunakan pelbagai saluran media, manhaj atau metodologi sehingga terdapat lebih 15 buah institusi yang bernaung di bawah IKRAM. Diantara strategi IKRAM adalah menonjolkan tenaga daripada golongan profesional dan intelektual khususnya yang bukan berlatarbelakang agama.

IKRAM ditubuhkan kerana ia yakin boleh menyumbang untuk Islam dan pembangunan masyarakat. IKRAM menganggap semua organisasi, kumpulan atau individu yang bergiat untuk Islam sebagai sebuah keluarga. Setiap pertubuhan dakwah mempunyai keistimewaan dan sumbangan yang tersendiri kepada dakwah dan masyarakat. Menceburi bidang penglibatan yang sama tidak harus ditanggapi sebagai persaingan atau pertandingan yang negatif, tetapi perluasan serta mempelbagai pilihan bagi meningkatkan penyertaan.

Semangat kerjasama dan persefahaman untuk membuahakan kerja Islam yang berkualiti perlu dipupuk dan perselisihan dielakkan. Berusaha ke arah kesatuan menjadi tanggungjawab semua. Menjaga muslimin dari bahaya lidah dan tangan, melunakkan mereka di hati, perkenalan, saling memahami dan kerjasama menunjuk arah menuju kesatuan. IKRAM sentiasa menghulurkan salam persahabatan serta mencari jalan kerjasama dalam usaha yang disepakati bersama. Menjadi hasrat IKRAM melihat semua usaha untuk Islam berjaya tidak mengira siapa yang mengusahakannya.

Dalam rangka mengembalikan pengabdian kepada Allah, IKRAM berjuang untuk pelaksanaan Islam sepenuhnya. Usaha IKRAM berasaskan prinsip Islam, mengambilkira realiti (*waqi'*) masyarakat dan kemampuan IKRAM sendiri. IKRAM percaya strategi dakwah yang baik bagi Malaysia adalah satu strategi yang menyeluruh dan bersepadu. Kemampuan ummah perlu digembeling. Kedudukan yang berpengaruh dalam masyarakat perlu diusahakan supaya dipegang oleh mereka yang berkongsi komitmen untuk menghayati Islam. IKRAM memilih pendekatan yang bercirikan keutamaan kepada kepentingan Islam, ummah dan masyarakat, dengan bersikap positif dan membangun dengan penilaian dan sikap yang objektif dan Penggembelingan sumber dan kemampuan ummah dan masyarakat.(www.ikram.org.my, pada 20 Ogos 2013).

Metode Dakwah IKRAM Pahang

YDP IKRAM Pahang, Tuan Haji Samsudin bin Abdulah menyatakan bahawa pendekatan IKRAM Pahang adalah berdasarkan visi dan misi IKRAM Negeri dengan tumpuan dakwah berdasarkan objektif yang digariskan oleh IKRAM pusat melalui pendidikan, IT, penerbitan bahan dakwah dan juga aktiviti dakwah. Menurut beliau pada masa ini, IKRAM membuat kerjasama dengan badan-badan berkanun bagi menjalankan aktiviti dakwah di Pahang dengan mengadakan ceramah, klinik kesihatan dan perkhidmatan bimbingan kaunseling. Salah satu strategi IKRAM dalam meningkatkan keupayaan IKRAM adalah membuka peluang kepada golongan profesional yang bukan dari pendidikan agama untuk menjadi ahli IKRAM dan seterusnya bersama-sama mengembangkan ajaran Islam.

IKRAM melalui Hidayah Center telah menjalankan *street dakwah* di tempat awam seperti di pusat membelibelah dan taman-taman rekreasi. Metode *Street Dakwah* telah dapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat terutama *non muslim*. Selain itu, aktiviti *Street Dakwah* melibatkan penyebaran risalah contohnya berkaitan kesedaran tentang zina dan keburukannya dan cara pemakaian tudung. *Street Dakwah* memfokuskan kawasan sekitar bandar-bandar di Pahang yang menjadi tumpuan pasangan remaja mahupun dewasa.

Hidayah Center (HC) Pahang telah di jemput oleh Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) untuk berkongsi pengalaman HC dengan mereka. HC telah diwakili pengerusi Tuan Haji Zuraidi Ismail dan ketua biro dakwah IKRAM Pahang Dr Mohd Hadzri Hasmoni. Pembentangan perkongsian ambil masa selama 2 jam. Hasil daripada pertemuan dan diskusi ini menghasilkan minat dan kesedaran untuk bekerjasama dalam semua bidang dakwah di antara HC dan badan-badan agama di bawah kerajaan Pahang. Ia satu peluang besar untuk HC bergerak dengan lebih baik dan laju dalam usaha dakwah di Pahang.

(a) Metode Melalui Forum dan Ceramah

(Kamus Dewan. 2007: 270), Ceramah boleh di definisikan sebagai ucapan yang di sampaikan oleh seseorang jemputan yang dianggap berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu dalam majlis yang formal. Ceramah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama dimana penceramah akan membentangkan pendapat atau pengalamannya dalam bidang tertentu. Bahagian akhir ceramah pula akan dibuka untuk para peserta mengemukakan soalan-soalan atau pandangan mereka dan penceramah cuba menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Ceramah dapat mewujudkan komunikasi dua hala, iaitu penceramah dapat berkongsi maklumat ataupun pengalaman manakala peserta pula boleh mengemukakan soalan-soalan ataupun pandangan mereka sendiri terhadap sesuatu perkara atau tajuk. Di antara ceramah dan forum yang dilaksanakan oleh IKRAM kepada golongan profesional adalah berkaitan masalah di Syria dan Palestin dan isu-isu semasa berkaitan dengan umat Islam. Ceramah dan forum yang diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada golongan profesional bagi membantu umat Islam yang memerlukan bantuan sama ada dari segi tenaga kepakaran atau kewangan.

(b) Metode Melalui Seminar

Seminar adalah satu kegiatan yang dibuat untuk menyampaikan suatu karya ilmiah dari seorang pakar kepada peserta agar dapat mengambil keputusan yang sama terhadap karya ilmiah antara sumber dengan peserta. Dengan menjalankan seminar ini, IKRAM telah mewajibkan ahlinya yang terdiri daripada golongan profesional untuk menyertai seminar yang dianjurkan. Hasil daripada seminar yang dijalankan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan peserta seminar.

(c) Metode Dakwah *Bil Hal*

Dakwah *bil hal* adalah pelaksanaan *dakwah bil qudwah* (keteladanan) dan *dakwah bil amal* (perbuatan). Dengan kata lain *dakwah bil hal* adalah dakwah yang dilakukan melalui penampilan kualiti peribadi dan aktiviti-aktiviti yang secara langsung menyentuh keperluan masyarakat. Dalam menjalankan *dakwah bil hal*, IKRAM melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan dan berusaha membanteras penyakit sosial seperti zina, penyalahgunaan dadah, minuman keras, judi dan amalan khurafat. Dalam konteks *dakwah bil hal* kepada golongan profesional, IKRAM mengajak golongan profesional terlibat sama bagi membantu mereka-mereka yang bermasalah. (<http://ikrampahang.wordpress.com>. Pada 20 Jun 2014).

(d) *Street Dakwah*

Street Dakwah merupakan dakwah jalanan yang pertama kali diadakan adalah pada 28 April 2013 bertempat di Teluk Chempedak Kuantan Pahang. Objektif adalah untuk mendedahkan teknik dan latihan praktikal berdakwah kepada orang bukan Islam, Menyuntik semangat dakwah kepada orang bukan Islam dalam kalangan orang Islam dan *follow up* dengan promosi program Hidayah Centre Pahang, Hidayah Centre Pahang kepada masyarakat umum dan menyampaikan mesej utama Islam kepada orang bukan Islam dan *follow up*. Sasaran mensasarkan non-Muslim yang utama di samping berdakwah kepada orang Muslim. Sebelum program *street dakwah* akan dijalankan para pendakwah diri ahli IKRAM akan diberi kursus cara mendekati sasaran semasa program dijalankan. Dari maklumat yang diterima, hasil daripada program *street dakwah* telah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang agama Islam.

Kesimpulanya IKRAM telah menjalankan metode dakwah dengan cara yang tersendiri berdasarkan visi dan misi pertubuhan IKRAM. Pelbagai pendekatan dakwah telah digunakan bagi menarik masyarakat kepada Islam. Pendekatan kepada golongan profesional adalah dengan

memperkenalkan IKRAM dan menarik golongan profesional bersama dalam organisasi IKRAM. IKRAM telah menjalankan program ceramah, forum, dialog, street dakwah dan yang terkini menggunakan facebook, telegram, whatsapp untuk mengajak masyarakat kepada Islam.

Kesimpulan

Secara umumnya, semua organisasi dakwah di Negeri Pahang mempunyai dasar pelaksanaan program dalam penubuhannya. Tetapi tidak semua badan-badan dakwah dapat melaksanakan program khusus kepada setiap golongan sasaran di negeri Pahang khususnya kepada golongan profesional. Perancangan dan strategi dakwah yang baik dan teratur dengan melihat seluruh aspek dakwah mampu memastikan dakwah sampai kepada sasaran dengan lebih berkesan. Namun begitu, pelaksanaan dakwah kepada golongan profesional tidaklah sama dengan golongan awam yang lain. Ini kerana golongan ini terdiri daripada mereka yang sibuk yang memerlukan pendekatan yang lebih sesuai dengan kesibukan mereka. Maka segala program dakwah yang ingin dijalankan perlu kepada metode yang menarik kepada mereka. Justeru itu, pelaksanaan program dakwah oleh badan-badan dakwah harus diadaptasi dan perlu ditransformasi agar sejajar dengan kehendak dan minat serta kecenderungan golongan profesional ini. Walaubagaimanapun, pengkaji berpendapat sekiranya perancangan dakwah dilakukan dengan bersistematik kemungkinan dakwah yang dijalankan akan memberi kesan kepada golongan profesional sekaligus visi dan misi penubuhan sesebuah organisasi pertubuhan akan tercapai. Oleh itu, metode dakwah yang telah disenaraikan di atas telah diaplikasikan oleh badan-badan dakwah di negeri Pahang untuk mendekati pelbagai masyarakat termasuk golongan profesional dengan ajaran Islam dalam berbagai-bagai bentuk metode dakwah iaitu secara dakwah melalui penganjuran hari kebesaran Islam dengan di adakan ceramah, forum, tazkirah dan seminar. Badan-badan dakwah telah menjalankan dakwah *bil hal*, program ziarah dakwah, *street dakwah* dan kelas-kelas bimbingan kepada masyarakat untuk mendalami agama Islam.

Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.
Abd.al-Karim Zaydan. (1999). *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
Ab. Aziz Mohd Zin. (2004). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
Abdul Munir Ismail. (2014). *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Abdullah Muhammad Zin, Che Yusof Che Mamat dan Ideris Endut. (1997). *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal. (1987). *al-Da'wah ila Allah Ta'ala: Khasasuha Muqawamatuh Manahijuh*. t.tp. Kaherah.
Hamka, Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah. (1999). *Tafsir al-Azhar*. cet.3. Jil. 6. Singapura: Pustaka Nasional.
Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il. (1966). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 2. Kaherah: Dar al-Sya'ib.
Ahmad Mahmud Abu Zaid. (1996). *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*. terj. Usamah Hussein. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
Al-Sayuti, Abd al-Rahman Jalaluddin. (1993). *Tafsir al-Sayuti, al-Dur Mansur fi al-Tafsir al- Ma'thur*. Beirut: Dar al-Fikr.
'Ali Jarisyah. (1987). *Manhaj al-Da'wah wa Asalibuh*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
Amhazun Muhammad. (2003). *Manhaj al-Nabiy fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Sahihah*. Kaherah: Dar al-Salam.
Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
al-Bustani, Fuad Ifram. (1956). *Munjid al-Tullab*. cet. 3. Beirut: Dar al-Mashruq.
Ghazali Darusalam. (1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
H. Asep Muhyiddin dan Agus Ahmad Safei. (2002). *Metode Pengembangan Dakwah*. Bandung: Pustaka Setia.
H. Asep Muhyiddin. (2002). *Dakwah dalam Perspektif Al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia.

- Ibn Khaldun, 'Abd. Rahman bin Muhammad. (1984). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Hajar Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. (2000). *Fathul Bari Bisyarh Sahih Bukhari*. Beirut Kamus Dewan. (2007), ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi.(1994). *Sejarah Islam*. Selangor: Fajar Bakti.
- Mohd. Janib Johari. (2001). *Etika Profesional*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. (1981). *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- M. Natsir (1980), *Fiqh Dakwah*. International Islamic Federation of Student Organizations, Kuwait: Salamiah.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mustafa Daud. (2002). *Cabaran Tamadun Islam Pada Alaf Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Ibn Manzur, Muhammadbin Makram. (t.t). *Lisanb al-Arab*. Bearut: Dar Sadir.
- Muhammad Husein Fadhullah. (1972). *Uslub Da'wah Ila Allah Fi al-Qur'an al-Karim Wa Manahijuhum*. Kaherah : Universiti al-Azhar.
- al-Wakil, Muhammad Sayyid.(1991). *Usus al-Da'wah wa Adab al-Du'at*. Madinah al-Munawwarah: Dar al-Mujtama'.
- Nor Hayati Sa'at. (2004). Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio Budaya, Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademika (64) Januari, 133-142.
- Ruslan Zainuddin. (2005). *Sejarah Malaysia*. cet. 2. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sidi Gazalba dan Zainab Ismail.(1995). *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaid Muhammad Nuh. (2000). *Dakwah Fardiyah: Pendekatan Personal Dalam Dakwah*. Laweyen Solo: Era Intermedia.
- Sulaiman Ibrahim, Othman Hj. Talib dan Anuar Puteh. (2002). *Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Qutb.(2000). *Tafsir Fi Zilal al- Qur'an*.terj. Yusoff Zaky Hj.Yacob, Jil. 10. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Sidi Gazalba dan Zainab Ismail.(1995). *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Temu bual dengan Dr. Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, pada 7 Ogos 2013 di Pejabat Agama Islam Pahang.
- Temu bual dengan Encik Hisyamudin bin Burhanudin, pada 10 September 2013 di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
- Temu bual dengan Tn. Haji Samsudin Abdulah di pejabat IKRAM Pahang Indera Mahkota 8, Pada 18 September 2013.
- www.jaip.pahang.gov.my
- www.abimpahang.blogspot.com
- www.ikram.org.my
- Zaki Masi'al. (1985).*Al-Ni'mah al-Kubra: Sorotan Pemikiran Dakwah Islamiah*. Kaherah: Mathba'h al-Sa'aadah.
- Zakaria Ahmad. (1971).*Sejarah Hamzah Fansury: Ulama Penyair Terbesar*. t.tp: Sinar Darussalam.